

DD16

U B653 DEB

MAHATHIR - SETIA (EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 9.30 MALAM INI)

KUALA LUMPUR, 30 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA KESETIAAN KEPADA NEGARA MERUPAKAN SALAH SATU NILAI YANG MENJADI BENTENG BAGI MEMPERTAHANKAN KEBEBASAN DAN MARUAH NEGARA DARIPADA PENJAJAHAN.

PERDANA MENTERI BERKATA, KINI WUJUD SATU BENTUK PENJAJAHAN BARU DARIPADA SEGI EKONOMI, IDEOLOGI DAN KEBUDAYAAN YANG BOLEH MENAKLUK SEMULA NEGARA DAN BANGSA WALAUPUN TELAH MENCAPAI KEMERDEKAAN.

+JIKA SESEORANG ITU MEMPUNYAI SEMANGAT KESETIAAN, DIA AKAN BERUSAHA SECARA POSITIF MELINDUNGI OBJEK KESETIAANNYA, TIDAK KIRA KESETIAAN ITU KEPADA DIRI SENDIRI, KELUARGA, TEMPAT TINGGAL ATAU PUN MASYARAKAT,+ KATANYA DALAM PERUTUSAN HARI KEBANGSAAN YANG KE-30 MENERUSI RTM MALAM INI.

BELIAU BERKATA, MEMANDANGKAN PENTINGNYA NILAI-NILAI KESETIAAN ITU, MAKA SLOGAN +SETIA BERSATU, BERUSAHA MAJU+ DIPILIH SEBAGAI TEMA HARI KEBANGSAAN TAHUN INI.

KATANYA, JIKA SESEORANG SETIA KEPADA DIRINYA, DIA TIDAK AKAN MENGKHIANATI DIRINYA DENGAN MENCEBURKAN DIRI DALAM PENAGIHAN NAJIS DADAH, TETAPI MELENGKAPKAN DIRI DENGAN ILMU DAN KEMAHIRAN YANG MEMBAWA MANFAAT. -- LAGI

1721MST 30 08 87

U B654 DEB

MAHATHIR - SETIA 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

+JIKA KESETIAAN ITU DIPANJANGKAN KEPADA KELUARGA, MASYARAKAT DAN NEGARA, TIDAK DAPAT TIDAK KITA AKAN MEMPEROLEHI KEHIDUPAN YANG BAHAGIA YANG TERLINDUNG DARIPADA SEGALA JENAYAH DAN MAKSIAT.

+WALAU HARAPAN ITU MERUPAKAN SATU HARAPAN YANG TERLALU IDEALISTIK TETAPI JIKA KITA TIDAK BERUSAHA KE ARAH TERSEBUT BERMAKNA KITA TIDAK AKAN MAJU DAN MENCAPAI KEJAYAAN,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SEBAGAI SEBUAH NEGARA YANG PENDUDUKNYA BERBILANG KAUM, RAKYAT NEGARA INI PERLU MEMPUNYAI SATU PUNCAK TUMPUAN KESETIAAN YANG TIDAK MEMIHAK KEPADA MANA-MANA GOLONGAN SUPAYA PERSELISIHAN DAPAT DIELAKKAN.

KATANYA, PERSELISIHAN FAHAM ANTARA KAUM MEMANG TIDAK DAPAT DIHINDARI TETAPI DENGAN SEMANGAT KESETIAAN SEGALA GEJALA YANG TIDAK DIINGINI DAPAT DIELAKKAN.

PERDANA MENTERI BERKATA, RAKYAT TIDAK PATUT LALAI DENGAN KEJAYAAN NEGARA SEJAK MERDEKA, SEBALIKNYA MEREKA HARUS BERWASPADA DENGAN KEWUJUDAN PENJAJAHAN CARA BARU YANG SEMAKIN KETARA. -- LAGI

1723MST 30 08 87

U B655 DEB
MAHATHIR - SETIA 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

DATUK SERI DR MAHATHIR MENGINGATKAN TENTANG WUJUDNYA PENJAJAHAN EKONOMI OLEH KUASA-KUASA EKONOMI DUNIA DENGAN CARA MEMANIPULASIKAN HARGA BARANGAN SEHINGGA TIDAK MEMBERI KEUNTUNGAN KEPADA NEGARA KECIL.

+PADA MASA YANG SAMA MEREKA MENENTUKAN KOS PENGELUARAN TIDAK DAPAT DITURUNKAN DENGAN MELAKUKAN HASUTAN SUPAYA DAYA PENGELUARAN NEGARA TIDAK MUNGKIN DITINGKATKAN,+ KATA BELIAU.

KATANYA, OLEH KERANA HALUSNYA HASUTAN ORANG-ORANG ASING ITU SEHINGGA ADA RAKYAT TEMPATAN YANG SANGGUP MEMINTA SUPAYA MEREKA MENGHALANG PEMULIHAN EKONOMI NEGARA.

+APABILA ORANG ASING SUDAH BOLEH MENENTUKAN MAJU-MUNDURNYA EKONOMI NEGARA, MAKA TERJAJAHLAH MALAYSIA ATAUPUN HILANGLAH KEMERDEKAANNYA.+

MENGENAI PENJAJAHAN KEBUDAYAAN PULA, KATA PERDANA MENTERI, TERDAPAT RAKYAT DI NEGARA INI YANG MEMBELAKANGKAN NILAI HIDUP SENDIRI DAN MENIRU SECARA BULAT-BULAT KELAKUAN SERTA TINGKAH-LAKU BANGSA LAIN. -- LAGI

1725MST 30 08 87

D019

U B656 DEB
MAHATHIR - SETIA 4 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

SECARA TIDAK LANGSUNG IANYA MENCEMARKAN IDENTITI BANGSA DAN JIKA BERLELUASA IA AKAN DIGANTIKAN DENGAN IDENTITI PENJAJAH, TAMBAH BELIAU.

KATANYA, APABILA KEBUDAYAAN TERCEMAR, MAKA KITA BUKAN SAHAJA DIJAJAH TETAPI MENJADI BANGSA YANG LEMAH YANG TIDAK MUNGKIN DAPAT MEMPERTAHANKAN DIRI DARIPADA APA JUA PENGARUH PENJAJAH DALAM BIDANG LAIN. -- BERNAMA

1726MST 30 08 87